

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: JAMUAN RASMI OLEH TUAN YANG TERUTAMA U MAUNG MAUNG KHA,
PERDANA MENTERI BURMA

TEMPAT: BURMA

TARIKH: 25 FEB 1988

MASA:

Tuan Yang Terutama U Maung Maung Kha,
Perdana Menteri Burma;
Yang Berhormat Menteri-Menteri;
Tuan-Tuan Yang Terutama;
Tuan-tuan dan Puan-puan.

Saya berasa sungguh gembira berada di bandar Rangoon ini. Sambutan yang begitu meriah dan layanan yang sangat mesra yang diberikan kepada saya dan isteri saya serta rombongan dari Malaysia akan saya jadikan sebagai satu kenangan yang akan kekal dalam ingatan. Saya berharap semasa lawatan pertama ini, saya akan dapat mengambil peluang untuk melihat keindahan Burma di samping mengenali negara ini dan rakyatnya dengan lebih dekat lagi.

2. Hanya beberapa bulan dahulu, saya telah diberi penghormatan menerima kunjungan Tuan Yang Terutama dan delegasi dari Burma. Dalam pertemuan tersebut, kita telah dapat bertukar-tukar pendapat mengenai hal-hal hubungan dua-hala, isu-isu serantau dan antarabangsa yang menyentuh kepentingan kita bersama. Saya merasakan pertemuan tersebut sungguh bermakna kepada kedua-dua pihak. Kita juga menghargai pandangan serta pendirian masing-masing berkenaan dengan isu-isu tersebut.

3. Saya berharap lawatan saya ini akan mengukuhkan lagi hubungan persahabatan dan kerjasama di antara kedua-dua negara kita. Malaysia sungguh berhasrat untuk meningkatkan lagi hubungan ini terutamanya dalam bidang ekonomi dan perdagangan. Saya percaya terdapat peluang-peluang yang boleh diterokai bersama. Adalah menjadi harapan saya agar sektor ekonomi kita merebut segala peluang yang ada bagi menerokai bidang-bidang kerjasama ekonomi serta mewujudkan hubungan yang dapat meningkatkan kerjasama di antara kedua-dua negara kita.

Tuan Yang Terutama,

4. Seterusnya saya ingin menyatakan di sini bahawa saya amat senang hati di atas kerjasama yang rapat di bidang teknikal di antara kedua-dua negara kita. Satu kumpulan pakar-pakar perubatan Burma telah tiba di Kuala Lumpur baru-baru ini untuk memulakan perkhidmatan mereka. Ini

adalah sebagai tambahan kepada mereka yang sedang berkhidmat di Malaysia. Di atas kerjasama ikhlas ini, saya bagi pihak Kerajaan Malaysia merakamkan penghargaan kami kepada Kerajaan Burma. Bagi pihak Malaysia, kami sentiasa bersedia untuk terus mengadakan tempat latihan bagi pegawai-pegawai atau pelajar-pelajar dari Burma di institusi-institusi latihan Malaysia seperti INTAN, sekiranya Kerajaan Burma memerlukan latihan dalam bidang-bidang yang tertentu.

5. Kedua-dua negara kita merupakan negara yang sedang membangun. Oleh itu, hanya melalui kerjasama dan sikap ingin berkongsi pengalaman di antara satu sama lain sahajalah yang dapat membantu kemajuan kedua-dua buah negara kita. Tuan Yang Terutama mungkin akan bersetuju dengan saya bahawa kita telah mempelajari satu pengajaran yang pahit di mana bergantung semata-mata kepada negara-negara maju tidak semestinya membawa faedah atau keuntungan yang diharap-harapkan. Negara-negara membangun, seperti Malaysia dan Burma, tidak mampu untuk menunggu selama-lamanya atau mengharap kepada negara-negara maju. Adalah penting bagi negara-negara seperti kita mengambil inisiatif untuk meningkatkan lagi kerjasama sesama kita. Berdasarkan inilah, Malaysia telah mengutarakan kerjasama Selatan-Selatan yang lebih erat. Penubuhan Suruhanjaya Selatan pada tahun lepas merupakan langkah yang tepat ke arah menggariskan panduan kerjasama yang praktik bagi negara-negara Selatan.

Tuan Yang Terutama,

6. Saya berasa sukacita bahawa daripada perbincangan kita, Malaysia dan Burma mempunyai pandangan yang sama mengenai berbagai isu-isu antarabangsa. Adalah tidak keterlaluan bagi saya menyatakan bahawa kedua-dua negara kita mempunyai komitmen yang kuat dalam usaha mewujudkan keselamatan dan keamanan antarabangsa. Tuan Yang Terutama akan bersetuju bahawa pencapaian keamanan dan keselamatan yang berterusan merupakan satu proses yang panjang dan penuh cabaran yang memerlukan dayausaha daripada semua pihak. Di Asia Tenggara, Malaysia dan negara-negara ASEAN yang lain telah berusaha bersungguh-sungguh untuk mewujudkan satu rantau Aman, Bebas dan Berkecuali atau ZOPFAN. Walau bagaimanapun, keadaan di Kampuchea bukan sahaja merupakan batu penghalang kepada pencapaian objektif ini, tetapi ia juga merupakan keadaan yang dapat diatasi oleh ZOPFAN. Sesungguhnya tidak dapat dinafikan bahawa masalah Kampuchea ini mempunyai unsur-unsur pergolakan kuasa-kuasa besar. Keadaan ini menjadikan penyelesaian politik yang boleh dipersetujui oleh semua pihak bertambah sukar lagi. Suatu pencapaian politik yang awal akan mengurangkan campurtangan kuasa luar dan ini memberi peluang bagi pendekatan dan kerjasama yang sepenuhnya di kalangan negara-negara di Asia Tenggara.

Tuan Yang Terutama,

7. Negara Burma harus dipuji kerana mempunyai kebijaksanaan dan kearifan di bidang politik sehingga

berjaya menjauhkan diri daripada tekanan kuasa-kuasa besar. Sebaliknya, Burma telah membina asas-asas 'indigenous' yang akan menambahkan lagi ketahanan rantau ini. Sungguhpun Burma tidak menganggotai ASEAN, langkah-langkah yang diambilnya adalah selaras dengan usaha-usaha ASEAN.

8. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, sekali lagi saya menyatakan perasaan sukacita saya kerana dapat melakukan lawatan ke Burma. Walaupun ia merupakan satu lawatan yang singkat, saya berharap dalam lawatan ini saya dapat melihat negara ini sedikit sebanyak dan menemui rakyat Burma.

9. Akhir sekali saya ingin menjemput tuan-tuan dan puan-puan sekalian untuk bersama-sama saya mengucapkan selamat kepada Tuan Yang Terutama, Presiden U San Yu, Tuan Yang Terutama, Perdana Menteri, U Maung Maung Kha, dan kepada persahabatan di antara Malaysia dan Burma.